KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

CyberSecurity MALAYSIA
An agency under MOSTI

SIARAN MEDIA

17 MEI 2017
UNTUK SIARAN SEGERA

TINGKAT BENTENG PERTAHANAN UNTUK HINDAR SERANGAN 'RANSOMWARE WANNACRY'

PUTRAJAYA (17 MEI 2017) - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menggesa para pentadbir sistem rangkaian komputer di semua organisasi awam dan juga swasta di seluruh negara agar terus meningkat dan memperkukuhkan benteng pertahanan siber bagi melindungi dan memastikan sistem rangkaian komputer di organisasi mereka selamat dalam menghadapi arus cabaran ancaman dan serangan siber yang semakin berleluasa masa kini.

Gesaan tersebut dibuat oleh YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menerusi satu sidang media khas yang diadakan di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi hari ini rentetan dari serangan perisian jahat atau *malicious software* yang dikenali sebagai 'Ransomware WannaCry' yang melanda pelbagai sistem rangkaian komputer di seluruh dunia pada 12 Mei 2017 lalu.

Menurut beliau, para pentadbir sistem rangkaian komputer perlu memiliki kepakaran, kemahiran dan kecekapan dalam mengendali sesuatu insiden serta ancaman siber yang sofistikated sejajar perkembangan ICT yang semakin dinamik. Mereka perlu melengkapkan diri dengan menjalani latihan kepakaran bagi mendapatkan skil kepakaran yang berkaitan.

"Ancaman dan serangan siber boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana jua. Kecanggihan teknologi masa kini memungkinkan pelbagai bentuk serangan siber yang tidak kita jangka berlaku. Impaknya sangat besar seperti kemusnahan harta benda, kerugian, gangguan operasi, menggugat reputasi malah berupaya meruntuhkan kedaulatan negara. Dalam hal ini, semua pihak sama ada organisasi, perusahaan kecil dan sederhana malah individu perseorangan harus tampil memainkan peranan bagi memastikan ruang siber

CyberSecurity Malaysia
(726630-U)
Corporate Office:
Level 5, Sapura@Mines
No 7, Jalan Tasik
The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.
T +603 8992 6888
F +603 8992 6841
H 1 300 88 2999
www.cybersecurity.my

negara selamat dan terhindar dari ancaman dan serangan siber." ujar YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau.

Beliau turut memaklumkan bahawa MOSTI amat prihatin ke atas serangan Ransomware WannaCry yang melanda dunia di mana Malaysia juga tidak terkecuali dari terkena serangan ini kerana sifat serangan siber yang merentas sempadan.

Sementara itu, orang ramai diingatkan agar sentiasa mengambil langkah berhati-hati dalam menggunakan komputer dan juga internet serta aplikasinya. Mereka disaran agar mengamalkan penggunaan teknologi termasuk komputer serta gajet digital secara positif dan beretika.

"Jangan panik serta mudah terpedaya dan mempercayai mesej-mesej yang ditular melalui laman media sosial. Pastikan e-mel yang diterima adalah sahih dan tulen sebelum klik kepada pautan, imej atau video yang tular melalui aplikasi Whatsapp, Facebook, Instagram, Twitter serta aplikasi lain. Ini kerana jangkitan Ransomware WannaCry berpunca dari sumber tersebut juga di atas kelalaian dan kealpaan sikap pengguna internet itu sendiri." ujar beliau lagi.

MOSTI turut mengesa orang ramai supaya membuat laporan mengenai insiden keselamatan siber khususnya serangan Ransomware WannaCry kepada Pusat Bantuan Cyber999 yang dikendalikan oleh CyberSecurity Malaysia yang beroperasi 24 jam. Laporan boleh dibuat melalui saluran berikut:

- E-mel: cyber999@cybersecurity.my atau mycert@mycert.org.my
- Telefon: 1-300-88-2999
- Fax: +603 89453442
- Mobile: +6019 2665850 (kejadian panggilan 24x7 laporan)
- SMS: aduan Cyber999 laporan e-mel ke 15888

Antara bentuk bantuan yang diberikan ialah khidmat nasihat mengenai langkah-langkah pencegahan, membersihkan komputer yang telah dijangkiti, membuat analisa lanjut ke atas sampel malware yang dilaporkan agar langkah pencegahan boleh diambil untuk menghindar dari penyebaran jangkitan malware dengan lebih meluas.

For further enquiries about this document, please email: media@cybersecurity.my or call +603-89926888, Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 6978) / Zul Akmal Abdul Manan (ext: 6945)